

Corak Perbelanjaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN): Kajian Kes Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Umi Kalthom Abdullah, Zuliana Zainal Abidin, Norlaila Hassan

Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson
Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

ABSTRAK

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sumber kewangan adalah merupakan perkara yang sangat utama dan amat diberikan perhatian dalam kehidupan seseorang individu agar kehidupan menjadi lebih terjamin dan selesa. Pada masa kini, kos perbelanjaan sara hidup didapati semakin meningkat terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar. Fenomena ini turut dirasai oleh mereka yang bergelar pelajar. Mereka amat memerlukan bantuan kewangan seperti biasiswa atau pinjaman dari badan-badan tertentu supaya mereka dapat menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan semasa berada di institusi pengajian tinggi. Pengurusan kewangan yang baik memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang pelajar agar sumber kewangan yang diperolehi dapat digunakan sebaik mungkin. Justeru itu, satu kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti corak perbelanjaan wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) di kalangan pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Jenis persampelan yang digunakan adalah persampelan strata di mana seramai 280 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*). Bagi menjawab objektif kajian, teknik statistik pemeratusan telah digunakan untuk mengenalpasti corak perbelanjaan kos sara hidup, corak perbelanjaan akademik dan corak perbelanjaan sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mengutamakan keperluan asas iaitu makanan untuk corak perbelanjaan kos sara hidup manakala pembayaran yuran pengajian untuk corak perbelanjaan akademik dan membeli produk kecantikan, gajet serta membeli-belah bagi corak perbelanjaan sosial. Dapatan daripada kajian ini diharap boleh dimanfaatkan oleh pihak penaja sumber pembiayaan pendidikan, pihak pengurusan politeknik dan ibubapa agar dapat membantu pelajar bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam mengurus dan membelanjakan sumber kewangan mereka dengan bijak dan berhemah.

Kata Kunci: corak perbelanjaan, ptptn

PENGENALAN

Peningkatan pelajar ke pusat pengajian tinggi tidak kira di universiti awam atau swasta di dapati semakin hari semakin meningkat. Kecemerlangan mereka dalam bidang akademik di institusi pengajian tinggi adalah menjadi impian kepada keluarga dan negara. Bidang pendidikan perlu diberi keutamaan yang sewajarnya bagi memenuhi aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang seimbang, mereka perlulah dibantu terutamanya dari segi kewangan. Setiap ibu bapa memang menyimpan harapan untuk membiayai pengajian anak mereka dengan wang simpanan sendiri. Namun secara realitinya, tidak semua ibu bapa mampu untuk menghantar anak-anak mereka belajar di menara gading dengan menggunakan wang simpanan sendiri. Terdapat ibu bapa yang telah menggunakan wang simpanan mereka untuk membeli barang-barang keperluan hidup bagi menyara keluarga. Ada di antara pelajar yang tidak mempunyai sumber kewangan lain dan hanya bergantung kepada biasiswa dan pinjaman pendidikan. Ada juga pelajar yang terdiri daripada keluarga miskin atau anak yatim. Berdasarkan soalselidik yang dijalankan oleh Berita Harian dalam talian (2011), di dapati bahawa daripada 180,000 orang pelajar Universiti Teknologi Mara, 10,000 daripadanya adalah terdiri daripada golongan miskin. Ada juga ibu bapa yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan pengajian anak-anak mereka. Salah satu cara bagi mengatasi beban kos pendidikan yang semakin meningkat ini adalah dengan memohon bantuan daripada badan-badan tertentu samada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman. Menurut kajian yang dijalankan oleh Zainal dan Ismail (2011), pelajar yang berjaya memasuki kolej swasta dan universiti membuat pinjaman dalam amaun yang besar iaitu masing-masing sebanyak RM53,750 dan RM31,324 secara purata. Terdapat pelbagai jenis pinjaman dan biasiswa pendidikan yang dapat membantu pelajar agar mereka dapat meneruskan pengajian ke menara gading. Salah satu pinjaman pendidikan yang popular adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). PTPTN telah mula beroperasi pada 1 November 1997. Lokasinya adalah terletak di Bangunan Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, Kuala Lumpur. PTPTN telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Akta ini telah berkuatkuasa bermula 1 Julai 1997. Penubuhannya adalah bagi membekalkan sumber kewangan kepada mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Bantuan kewangan yang diperolehi ini secara tidak langsung dapat digunakan oleh mahasiswa bagi membayar yuran pengajian, penginapan di luar kampus dan belanja-belanja harian sepanjang mereka berada di menara gading.

LATAR BELAKANG KAJIAN/PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini, pelbagai cabaran dan rintangan perlu ditempuhi oleh para pelajar demi untuk meneruskan perjuangan mereka di menara gading. Dana bagi menampung perbelanjaan pengajian merupakan antara cabaran yang harus ditempuhi dan diuruskan dengan bijak oleh pelajar. Yuran pengajian dan buku rujukan adalah antara kos utama yang harus ditanggung oleh mereka. Selain daripada dua perbelanjaan utama tersebut, pelajar juga terpaksa membayar kos-kos lain seperti sewa rumah, pengangkutan, bil-bil dan keperluan harian jika mereka tinggal di luar kampus. Dalam hal ini, pelajar haruslah bijak merancang sumber kewangan yang mereka perolehi agar tidak mengganggu proses pembelajaran. Menurut AKPK (2008), perancangan kewangan merupakan proses berfikir secara rasional, proses perancangan, proses membuat keputusan dan pengetahuan mengenai alat kewangan.

Menurut Alecia Puyu dan Anuar (2017), golongan mahasiswa kini memerlukan wang bagi membiayai yuran pengajian dan kos sara hidup mereka yang semakin hari semakin meningkat akibat inflasi yang berlaku di dalam negara. Fenomena ini turut disokong oleh Aisyah dan Wajeaha (2016) yang menyatakan kos sara hidup yang kian meningkat dilihat sebagai membebaskan mahasiswa kerana mereka sememangnya tidak mempunyai pendapatan disebabkan belum mempunyai pekerjaan yang tetap. Peningkatan harga barangan keperluan asas turut mendatangkan impak yang sangat besar kepada mereka yang masih bergelar pelajar kerana rata-rata daripada mereka ini belum memiliki pekerjaan sendiri (Nurhafizah & Muhammad, 2017). Ada juga sebahagian pelajar yang berbelanja

untuk keperluan asas mereka seperti makanan, minuman, tempat tinggal, kemudahan pengangkutan dan pakaian. Menurut Wan Mustafa et al. (2013), secara keseluruhannya pelajar lebih banyak berbelanja untuk perkara-perkara yang bukan berbentuk akademik berbanding dengan perkara-perkara yang lebih menjurus kepada akademik. Hasil kajian oleh Rosmini dan Khalizul (2014), lima kategori perbelanjaan yang popular di kalangan pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah perbelanjaan untuk makanan & minuman, bahan akademik, pakaian, barangan penjagaan diri dan belanja telekomunikasi.

Ismail et al. (2004), dalam kajiannya mendapati bahawa wang yang diperolehi daripada pinjaman PTPTN telah digunakan oleh pelajar untuk keperluan akademik dan perbelanjaan peribadi. Kajian oleh Sabri et.al. (2008) pula mendapati bahawa mahasiswa telah menghabiskan baki pinjaman atau biasiswa yang diterima pada hujung semester setelah sebahagian daripada wang pinjaman atau biasiswa tersebut digunakan untuk tujuan pembayaran yuran pengajian. Fenomena ini kerap berlaku di kalangan mahasiswa pada masa kini. Mereka sepatutnya lebih peka dan bijak dalam menguruskan perbelanjaan mereka sepanjang berada di menara gading agar pinjaman atau biasiswa yang diperolehi mampu membantu mereka meneruskan pembelajaran hingga berakhirnya semester. Daripada kajian yang beliau jalankan juga mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa lebih berminat untuk menggunakan wang yang mereka perolehi bagi membeli barangan keperluan peribadi tanpa memikirkan untuk menabung bagi keperluan masa hadapan mereka. Rakan sebaya merupakan antara individu yang banyak mempengaruhi cara mahasiswa berbelanja ketika berada di institusi pengajian tinggi. Fairus Muhamad Darus (2009) mendapati bahawa corak perbelanjaan mahasiswa di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang adalah dipengaruhi oleh jantina, semester serta lokasi penginapan mereka. Beliau mendapati bahawa corak perbelanjaan antara lelaki dan perempuan adalah berbeza khususnya dari segi perbelanjaan alat telekomunikasi serta pembelian barang dan perkhidmatan. Perbelanjaan untuk penginapan, makanan, kenderaan, utiliti dan kesihatan turut bergantung kepada lokasi penginapan mahasiswa sepanjang mereka berada di institusi pengajian tinggi. Pelajar yang berada di institusi pengajian tinggi amat memerlukan sumber dana yang mencukupi bagi menampung kos pembelajaran dan sara hidup yang dilihat semakin meningkat. Menurut Siti Alida Ali (2002), akibat peningkatan kos yang berlaku dan diikuti pula dengan perubahan dasar pendidikan serta dasar pembiayaan maka berlakulah peningkatan kos di institusi pendidikan awam dan swasta. Ada di kalangan pelajar yang beruntung kerana mereka berjaya mendapatkan biasiswa dari badan-badan tertentu bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian mereka. Walau bagaimanapun, ada juga pelajar yang tidak berjaya mendapatkan biasiswa disebabkan tidak mendapat keputusan yang cemerlang dalam akademik. Salah satu daripada jalan penyelesaiannya adalah dengan memohon bantuan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Justeru kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti corak perbelanjaan wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) di kalangan pelajar-pelajar di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Dapatan kajian ini di harap dapat:

- i) Memberi pendedahan kepada penyelidik, pihak PTPTN serta para pelajar itu sendiri mengenai corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan para pelajar
- ii) Membantu pelajar untuk menguruskan perbelanjaan dengan bijak di dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang pelajar

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- i) Menenalpasti corak perbelanjaan kos sara hidup pelajar yang mendapat bantuan pinjaman PTPTN.
- ii) Menenalpasti corak perbelanjaan akademik pelajar yang mendapat bantuan pinjaman PTPTN.
- iii) Menenalpasti corak perbelanjaan sosial pelajar yang mendapat bantuan pinjaman

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuantitatif. Menurut Mohd Najib (1999), kaedah kuantitatif adalah merujuk kepada angka, skor dan kekerapan. Seramai 280 orang responden diambil dari semester dua hingga enam sebagai sampel. Teknik Persampelan Strata digunakan bagi memilih responden. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan borang soalselidik kepada responden bagi mendapatkan data mengenai latar belakang responden, perbelanjaan kos sara hidup, perbelanjaan akademik dan perbelanjaan sosial. Responden akan menjawab item instrument merujuk kepada Skala Likert seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Markah Skala Likert dan Pernyataan

Skor	1	2	3	4	5
Skala Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Sangat Setuju

Sebelum borang soalselidik diedarkan kepada responden, suatu kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang sampel bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan borang soalselidik tersebut. Maklumat yang diperolehi dari kajian rintis dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Version 22. Analisa kajian adalah merujuk kepada jadual Hair et al. (2006) seperti dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Kekuatan Julat Pekali *Alpha*

Julat Pekali <i>Alpha</i>	Kekuatan Pekali
<0.60	Lemah
0.60 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.79	Baik
0.80 – 0.89	Sangat Baik
>0.90	Cemerlang

Sumber: Hair et al. (2006)

Daripada analisa kajian rintis tersebut, ia menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* bagi perbelanjaan kos sara hidup adalah sebanyak .722, perbelanjaan akademik adalah sebanyak .813 dan perbelanjaan sosial adalah sebanyak .910. Semua nilai *Alpha Cronbach* adalah melebihi 0.70. Keputusan ini menggambarkan bahawa keseluruhan item yang dibina mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa dari segi perbelanjaan sara hidup, seramai 63% responden sangat setuju dan 25% responden setuju bahawa wang ptptn mereka dibelanjakan untuk keperluan sara hidup seperti makanan, minuman dan pakaian. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Haslina et.al (2013) yang mendapati bahawa daripada 120 orang pelajar semester enam Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, 58 orang pelajar memberi keutamaan kepada perbelanjaan pemakanan. Kajian yang dilakukan oleh Rosmini Ismail dan Khalizul Khalid. (2014) turut menyatakan dapatan yang sama iaitu lima kategori perbelanjaan yang popular dalam kalangan pelajar di Universiti Perguruan Sultan Idris adalah terdiri daripada makanan & minuman, bahan pembelajaran, pakaian, barangan keperluan peribadi dan telekomunikasi. Dapatan ini

adalah bertepatan dengan teori Maslow. Menurut Maslow (1943), keperluan di tahap paling bawah ialah keperluan asas seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan pakaian. harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu memikirkan keperluan di tahap kedua. Jika keperluan yang asas ini tidak dipenuhi, maka perkara-perkara lain tidak akan dapat dicapai dan dipenuhi. Selain daripada belanja untuk keperluan hidup, pelajar-pelajar juga turut membelanjakan wang ptptn mereka untuk membayar sewa rumah (58% sangat setuju, 28% setuju) dan pengangkutan awam bagi mereka yang tinggal di luar kampus (53% sangat setuju, 29% setuju).

Dari segi perbelanjaan akademik, seramai 35% responden sangat setuju dan 37% setuju membelanjakan wang ptptn mereka untuk bayaran yuran pengajian. Dapatan ini turut disokong Haslina et.al (2013) yang mana beliau mendapati bahawa perkara kedua yang diberi keutamaan oleh pelajar di dalam perbelanjaan wang PTPTN ialah pendidikan iaitu 35% atau 42 orang pelajar. Dapatan kajian daripada Jeni Theresa C. Bona. (2017) pula menyatakan bahawa kebanyakan pelajar di Surigao del Sur State University (SDSSU) and Saint Michael College (SMC) in Cantilan, Philippines memperuntukkan wang mereka untuk perbelanjaan projek & tugas, yuran pengajian serta alatan pengajian. Selain bayaran untuk yuran pengajian, pelajar-pelajar juga berbelanja untuk kos fotostat nota & tugas (29% sangat setuju, 40% setuju) dan perbelanjaan projek akademik (23% sangat setuju, 43% setuju)

Dari segi perbelanjaan sosial pula, seramai 15% sangat setuju dan 28 % setuju memperuntukkan wang PTPTN untuk membeli gajet terbaru di kedai telekomunikasi. Dapatan yang sama juga turut dikongsi oleh Shahryar Sorooshian & Tan Seng Teck. (2013) yang menyatakan bahawa kebanyakan daripada pelajar di Taylor University memperuntukkan wang mereka untuk membeli gajet. Selain daripada itu, wang PTPTN turut digunakan oleh pelajar untuk berhibur di pusat hiburan (15% sangat setuju, 19% setuju) dan membeli-belah (10% sangat setuju, 23% setuju).

Setelah kajian dijalankan, pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar lebih mengutamakan wang PTPTN mereka untuk perbelanjaan sara hidup seperti membeli makanan, minuman, pakaian, membayar yuran pengajian dan membeli gajet. Oleh itu, secara keseluruhannya didapati bahawa pelajar sudah semakin bijak dan matang dalam memperuntukkan perbelanjaan mereka, samada perbelanjaan dari segi kos sara hidup atau perbelanjaan akademik mahupun perbelanjaan sosial.

RUJUKAN

- Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit. (2008). *Money Sense – Getting Smart with Your Money*, 1st Edition, Kuala Lumpur, AKPK.
- Alecia Puyu Anak dan Anuar Ahmad. (2017). *Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA Dan IPTS*. Dimuat turun pada 10 Mei 2018, dari https://www.researchgate.net/publication/321049977_Pola_Perbelanjaan_Dalam_Kalangan_Mahasiswa_Satu_Kajian_Perbandingan_Antara_Ipta_Dan_Ipts
- Aisyah Abdul-Rahman dan Wajeeha Zulkifly. (2016). *Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia*. Dimuat turun pada 12 Mei 2018, dari http://journalarticle.ukm.my/10895/1/Artikel-9_Dr.-AisyahAbdul-Rahman_FEP.pdf
- Berita Harian. (2011). *73 Peratus Pelajar Daif Ambil Pradiploma UiTM*. Accessed on 21 February 2017 from <http://www.bharian.com.my>.
- Fairus Muhamad Darus. F. (2009). *Impak Ekonomi Perbelanjaan Pelajar Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang Di Kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang*. Proceeding of Seminar on Science, Technology and Social Science. 313-319. ISBN: 978-983-2607-17-5.

- Hair, J., Black, W., Babin, B., Anderson, R., & Tatham, R. (2006). *Multivariate data analysis* (6th ed.). Uppersaddle River, N.J.: Pearson Prentice Hall.
- Haslina Hassan, Naimah Ismail dan Hamzan Harun. (2013). *Kajian Terhadap Pengurusan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Dalam Kalangan Pelajar Semester Enam Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*. Technical and Education Colloquium (TEC) PTSB, 29 September 2013.
- Ismail, Normala, Zainal dan Noor Saliza. (2004). *Analisis Penggunaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM)*. In: Asean Symposium On Educational Management And Leadership (ASEMAL4), 13 -15 Disember 2004.
- Jeni Theresa C. Bona. (2017). *Spending Behavior Among College Students*. *Sci.Int.(Lahore)*,29(4),749-753, 2017 ISSN 1013-5316;CODEN: SINTE 8 749 July-August
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*. 50(4), 370-396.
- Mohd Najib. (1999). *Populasi dan Persampelan*.
- Nurhafizah, M. & Muhammad, H. (2017). *Pengetahuan dan gelagat berbelanja selepas cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan. Kajian ke atas mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia*. Seminar Pendidikan Serantau ke VIII. 1044-1051.
- Rosmini Ismail dan Khalizul Khalid. (2014). *Examining Undergraduates Spending Behavior: The Case Of Sultan Idris Education University*. Conference Paper.
- Shahryar Sorooshian & Tan Seng Teck. (2013). *Spending Behaviour of a Case of Asian University Students*. Dimuat turun pada 29 Disember 2013, dari <http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n2p64>.
- Siti Alida Ali (2002). *Financial Planning Gender Differences In Personal Financial Literacy Among College Students* – Haiyang Chen, Ronald P. Volpe, E*Trade Financial Learning Center, Christos M Cotsakos College Of Bussiness, William Paterson University Wayne, NJ07470 USA The Williamson College Of Bussiness Administration, Youngstown State University, Youngstown OH 44555 USA, Accepted 21 August 2002
- Sabri, M. F., MacDonald, M., Masud, J., Paim, L., Hira T. K., & Othman, M. A. (2008). *Financial Behaviour and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication*. *Consumer Interests Annual* 54: 5.
- Wan Mustaffa, W.Y., Abd Razak, M., & Wan Mohd Rashid, W.A. (2013). *Corak perbelanjaan dalam kalangan pelajar politeknik: Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sulatanah Bahiyah*. Technical and Education Colloquium (PTSB).
- Zainal, N. R. and Ismail, N. (2012). *Debt Composition of University Graduates and Their Attitude towards Education Loan*. *Journal of Asian Behavioural Studies*, Volume 2, Number 6, July 2012.